

KEBERANGKALIAN RIBA DI DALAM E-WALLET: SATU ANALISA AWAL

THE PROBABILITY OF RIBA IN E-WALLETS: A PRELIMINARY ANALYSIS

Mohd Shahid Mohd Noh*

Department of Syariah and Economics,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: shahid82@um.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohd Noh, M. S. (2025). Keberangskalian riba di dalam E-Wallet: Satu Analisa Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 146-156.

ABSTRAK

Pendigital kaedah pembayaran telah menunjukkan peningkatannya di kalangan rakyat Malaysia khususnya ketika pandemic Covid-19 sedang melanda dunia. E-wallet adalah antara aplikasi pembayaran digital yang mesra pengguna dan mudah diakses sama ada oleh pengguna mahupun benefisiari yang lain. Aplikasi yang melibatkan beberapa pihak seperti pengguna, penjual atau peniaga juga terdedah kepada praktis riba yang berpotensi menjadikan akad tersebut rosak. Kertas ini bertujuan untuk memberikan satu analisa awal mengenai keberangkali berlakunya riba di dalam aplikasi yang makin mendapat tempat dalam kalangan pengguna. Hasilnya aplikasi e-wallet ini tidak bebas dari berlakunya riba kerana akad qard yang mendasari deposit yang diletakkan oleh user ke dalam akaun e-wallet. Keterikatan penyedia perkhidmatan e-wallet kepada kepatuhan Syariah juga boleh menjadi ruang untuk berlakunya riba sekiranya dana-dana tersebut disimpan di dalam akaun konvensional. Cadangan penggunaan akad wadi'ah dan bay' istijrar di lihat dapat mengurang potensi riba di dalam aplikasi ini.

Kata kunci: E-wallet, riba, gharar, syariah, kewangan Islam

ABSTRACT

The digitalization of payment methods has increased among Malaysians, particularly during the Covid-19 pandemic. E-wallets are among the most user-

friendly and easily accessible digital payment applications, benefiting users and other beneficiaries. However, applications involving multiple parties, such as users, sellers, or merchants, are also exposed to the practice of riba, which may potentially render the transaction invalid. This paper aims to provide a preliminary analysis of the likelihood of riba occurring in e-wallet applications, which are gaining popularity among users. The findings indicate that e-wallet applications are not entirely free from riba due to the qard (loan) contract underlying the deposits placed by users into their e-wallet accounts. Additionally, the adherence of e-wallet service providers to Shariah compliance may also open the possibility of riba if these funds are stored in conventional accounts. The proposed use of wadi'ah (safekeeping) and bay' istijrar (supply contract) contracts is seen as a potential way to reduce the risk of riba in these applications.

Keywords: E-wallet, riba, gharar, shariah, Islamic finance

1.0 PENGENALAN

E-wallet adalah satu perkhidmatan digital yang disediakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan ini bagi memudahkan pemindahan wang dari pengguna kepada pekedai (merchant). TouchMGo, Lazada dan Shopee adalah antara penyedia perkhidmatan yang tersohor di Malaysia. Sistem pembayaran di Malaysia secara umumnya dibahagikan kepada dua jenis iaitu Sistem Pembayaran Bernilai Tinggi (*Large Value Payment System*) dan Sistem Pembayaran Runcit (*Retail Payment System*).

Sistem Pembayaran Bernilai Tinggi memproses pembayaran yang bernilai tinggi (*high-value*) dan kritikal (*time-critical*). Sistem ini penting untuk memastikan kelancaran kelancaran fungsi ekonomi, sistem kewangan dan pasaran kewangan. Sekiranya berlaku kegagalan terhadap sistem ini, maka ia boleh mencetuskan gangguan atau menyebarkan kejutan terhadap ekonomi dan pasaran kewangan pada skala domestik mahupun global.

Sistem pembayaran runcit pula digunakan oleh institusi dan pengguna runcit (*retail consumer*). Sistem ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu jenis sistem pembayaran runcit, jenis instrumen pembayaran runcit dan juga jenis saluran (*channel*) pembayaran runcit. Sistem pembayaran runcit merupakan sistem yang digunakan bagi urusan pembayaran runcit. Ada beberapa jenis sistem yang digunakan untuk pembayaran runcit di Malaysia, antaranya ialah Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (eSPICK), Rangkaian Perkongsian ATM (SAN), HOUSE, Sistem GIRO Antara Bank (IBG), *Direct Debit*, dan Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX). Antara contoh instrumen pembayaran runcit ialah cek, kad kredit, kad caj, kad debit, dan e-money. E-money merupakan subjek utama dalam diskusi ini. Daripada definisi itu tadi, dapat disimpulkan bahawa *e-money* ialah:

- i) Jenis: Sebuah instrumen pembayaran
Instrumen pembayaran yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 31 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] Bank Negara Malaysia atau nama lainnya Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen

Pembayaran yang Ditetapkan) 2013 adalah sah untuk digunakan di Malaysia. Oleh sebab *e-money* juga tergolong dalam kategori instrumen pembayaran yang ditetapkan, maka *e-money* boleh digunakan untuk semua urusan pembayaran di Malaysia.

- ii) Kategori: Secara konvensional mahupun Islamik
Secara asasnya, *e-money* mempunyai sifat-sifat yang sama dengan wang tunai dan neutral, namun berbeza pada keadaannya iaitu *e-money* disimpan dalam bentuk elektronik manakala wang tunai pula dalam bentuk wang kertas. Oleh yang demikian, *e-money* bebas digunakan secara konvensional mahupun secara Islamik berdasarkan sifat neutral dan persamaan yang ada pada wang tunai (Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020).
- iii) Bentuk: Sama ada ketara atau tidak ketara
E-money boleh wujud dalam dua keadaan, sama ada ketara atau tidak ketara. Bentuk ketara yang dimaksudkan adalah seperti bentuk yang berasaskan kad seperti kad prabayar. Manakala bentuk tidak ketara pula adalah seperti bentuk yang berasaskan rangkaian yang boleh diakses oleh pengguna melalui internet, telefon pintar, mahupun peranti-peranti lain (Bank Negara Malaysia, 24 Ogos 2020).
- iv) Ciri-ciri: yang menyimpan dana secara elektronik
E-money menyimpan dana secara elektronik. Oleh yang demikian, *e-money* mempunyai nilai monetari namun disimpan secara elektronik. Ia merupakan pertukaran dana yang dibayar kepada penerbit *e-money*. Dalam erti kata lain, penerbit *e-money* menerima wang tunai daripada pengguna dan menukarkan dana tersebut ke dalam bentuk elektronik.
- v) Fungsi: sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit *e-money*. *E-money* berfungsi sebagai alat pembayaran berdasarkan Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013. Frasa “sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit *e-money*” bermaksud ia boleh menjadi alat pemindahan dana kepada sesiapa sahaja yang menerima *e-money* sebagai bayaran bagi barangan mahupun perkhidmatan yang diberikan, selain daripada penerbit *e-money* itu tadi.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Bank Negara Malaysia: “*E-wallet* secara asasnya merupakan dompet versi digital bagi dompet fizikal yang menyimpan maklumat pengguna seperti identiti, e-mel dan alamat rumah, pelbagai kad kredit dan nombor akaun bank, serta kad hadiah dan kad kesetiaan dalam persekitaran yang selamat”.

Manakala bagi Asmadi et al. (n.d) “*e-wallet* merupakan suatu peralatan elektronik, aplikasi ataupun perkhidmatan dalam talian yang membolehkan

pengguna untuk melakukan transaksi secara elektronik dan dalam talian, melalui kemudahan seperti komputer, tablet mahupun telefon pintar untuk membuat urusan pembelian barangan dan perkhidmatan di kedai mahupun pasar raya yang menerima metode pembayaran melalui e-wallet tersebut”.

Ringkasnya, e-wallet adalah satu aplikasi yang menyerupai dompet digital membolehkan pengguna untuk menyalurkan bayaran kepada mana-mana pihak dengan keizinan dari pemilik e-wallet tersebut. Hakikatnya, perkhidmatan e-wallet hari ini bukan sahaja setakat menjadi platform pemudah bayaran sebaliknya memberikan ganjaran, tawaran, fasiliti berbentuk kewangan dan lainnya. Sehubungan dengan itu, timbul persoalan adakah perkhidmatan seperti ini yang melibatkan perpindahan dan transaksi kewangan ini boleh berlaku *gharar* di dalamnya? Azrul Azlan (T.t.) juga membangkitkan beberapa isu syariah perlu dikaji dan diteliti bagi mencari solusi kepada persoalan tersebut. Bagi menjawab permasalahan ini, modus operandi e-wallet perlu difahami terlebih dahulu analisa secara fiqhiy boleh dilakukan.

Modus Operandi E-Wallet

Model yang biasa digunakan bagi aplikasi ini menjadikan platform e-dagang sebagai gerbang utama bagi penyediaan perkhidmatan ini. Platform e-dagang merupakan sebuah medan membeli-belah secara maya yang menghimpunkan pengguna, peniaga dan penyedia e-wallet sekaligus secara masa nyata (*real-time*). Pihak penyedia e-wallet merangkap pengurusan platform bertanggungjawab untuk menyediakan sebuah medium jual beli dan memberi akses kepada para peniaga untuk mempamerkan produk jualan mereka dan akses kepada pengguna (*consumer*) untuk membuat pemilihan barangan yang ingin dibeli melalui platform tersebut.

Selain itu, pihak platform juga bertanggungjawab untuk menyediakan saluran pembayaran bagi membolehkan pengguna untuk melakukan transaksi pembayaran bagi barangan yang dibeli. Pengguna mempunyai beberapa opsyen saluran pembayaran seperti perbankan dalam talian, bayaran secara tunai di rangkaian Kedai 7-Eleven, bayaran secara deposit tunai di mesin ATM, bayaran melalui kad kredit dan kad debit, dan juga melalui aplikasi e-wallet yang disediakan oleh pihak platform.

Bagi menggalakkan penggunaan e-wallet yang disediakan oleh pihak platform dalam kalangan pengguna, pelbagai ganjaran istimewa ditawarkan seperti tawaran potongan diskaun dan juga kos penghantaran barangan secara percuma apabila pengguna membuat pembayaran melalui e-wallet tersebut.

Bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran melalui e-wallet, pengguna dikehendaki untuk melakukan pengaktifan akaun e-wallet terlebih dahulu melalui prosedur pengesahan identiti pengguna. Kemudian, pengguna boleh mula menambah nilai dana ke dalam e-wallet tersebut dan meneruskan proses pembayaran barangan.

Seperti pengguna, pihak peniaga juga turut mempunyai akaun khas yang digunakan untuk menyelia barangan jualan dan urusan penerimaan bayaran. Pihak platform akan mengenakan caj dengan kadaran yang tertentu kepada para peniaga sebagai bayaran atau komisen untuk jualan barangan mereka dalam platform tersebut. Caj tersebut juga dikenali dengan istilah *Merchant Discount Rate* (MDR).

Sebagai contoh, caj yang dikenakan oleh pihak platform kepada para peniaga ialah sebanyak 2% daripada nilai harga barang jualan. Oleh yang demikian, sekiranya harga barangan tersebut berharga RM100 maka pihak peniaga hanya akan menerima bayaran sebanyak RM98 sahaja, manakala baki RM2 pula akan dibayar kepada pihak platform tersebut.

Pihak platform juga berperanan sebagai orang tengah yang mengawal urusan penerimaan dan pemberian wang jualan daripada pengguna kepada peniaga. Ia seakan escrow account atau akaun amanah yang menjaga kepentingan pengguna sekiranya berlaku penipuan dan sebagainya. Sekiranya berlaku penipuan berkaitan barangan yang dihantar, maka pengguna boleh terus melaporkan hal tersebut kepada pihak pengurusan platform untuk siasatan selanjutnya. Sekiranya laporan tersebut disahkan benar, maka wang tersebut tidak akan dilepaskan kepada peniaga dan proses pemulangan semula wang (*refund*) akan dimulakan dengan memasukkan semula wang tersebut ke dalam e-wallet pengguna. Antara contoh platform e-dagang yang menyediakan e-wallet ialah seperti Shopee dan Lazada.

3.0 SOROTAN FIKAH

Secara umumnya, pengharaman elemen *gharar* diambil dari hadis Nabi Muhammad SAW:

نَهَى عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksud: *Sesungguhnya Nabi SAW menegah dari melakukan jualan gharar.*

Sekalipun pengharaman *gharar* di dalam akad jual beli adalah perkara yang disepakati, definisi secara terperinci mengenainya masih menjadi perbincangan dan khilaf di kalangan ulama apabila dua sumber utama Syariat, al-Quran dan hadis tidak memberikan satu definisi yang tepat dan jelas mengenai *gharar* (Ahmad Hidayat, 2004).

Manakala D'Alvia, Daniele (2020) mengesahkan tidak semua jenis ketidakpastian perlu dilihat sebagai *gharar* di mana perkara tersebut ada kalanya wujud di dalam proses penghasilan keuntungan di dalam perniagaan sebagaimana yang juga dipersetujui oleh falsafah ekonomi Islam dan Barat. Justeru, ia lebih dilihat sebagai ketidakpastian yang memberikan kesan yang jelas kepada pihak yang terlibat (Nordin et al., 2015). Selain itu, Moqbel, Tareq & Ahmed, Habib (2020) menyifatkan *gharar* sebagai tidak jelas, perjudian dan penipuan.

Imam Syafi'e (1995) juga menghuraikan *bay' gharar* ini berlaku sekiranya ia mengundang ketidakpastian seperti menjual ikan yang masih berada di dalam kolam dan menjual perkara yang tidak dapat diserahkan, menjual bulu kambing yang masih melekat di badan kambing tersebut (Al-Syafi'e, 1416 H). Menjual perkara yang belum lagi wujud dan tidak diketahui akan jenis dan bentuknya juga dianggap salah satu bentuk dari *gharar* (al-Syirazi, t.t). Al-'Umrani pula menyifatkannya sebagai pemalsuan di dalam akad yang menyebabkan ia diharamkan (al-'Umrani, 2000). Di dalam kitab yang sama juga beliau menghuraikan *gharar* itu berlaku pada perkara

yang tidak dapat dipastikan kesudahannya serta kandungannya yang tersembunyi (al-Juwayni, 2007).

Contoh yang dibawa oleh Imam al-Syafi'e (1995) di atas bukanlah semata-mata bermaksud menjual ikan di dalam kolam itu tidak harus sebagaimana yang berlaku di dalam transaksi penjualan ikan dan haiwan lain pada hari ini. Apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah ketidak mampuan penjual untuk menyerahkan ikan tersebut kepada pembeli kerana ikan tersebut belum pasti dapat ditangkap. Sekiranya ia pasti dan boleh secara *ghalibnya* diserahkan kepada pembeli, ia bukanlah sesuatu yang *gharar*.

Perkara di atas dengan jelas diterangkan oleh al-Juwayni yang mengambil contoh merpati yang dimiliki dan ia terbang di waktu siang dan pulang pada waktu malam, adakah harus untuk ia dijual?

Al-Juwayni (2007) menjelaskan: "*Sekiranya burung itu kebiasaannya pulang pada waktu malam, hukumnya adalah sah untuk dijual pada waktu siang kerana adakalanya ia akan pulang pada waktu malam....sekiranya ia boleh diperolehi dan dimiliki dengan beberapa kesukaran dan kos, jualan tersebut tetap sah kerana keberangkalian untuk diserahkan kepada pembeli itu wujud...*" (Al-Juwayni, 2007).

Secara ringkasnya, *gharar* yang dibincangkan oleh para fuqaha merujuk kepada akad jual beli yang secara pasti mengundang perkara yang tidak dapat diketahui dan mengandungi unsur *jahalah*. Sehubungan dengan itu, Umi Widyastuti et al. (2020) mencadangkan agar satu proses yang jelas dan berhati-hati perlu dilaksanakan bagi mengelakkan *gharar* berlaku. Proses tersebut dilihat penting bagi mengelakkan hak-hak pihak yang berkontrak dapat dipelihara. Dalam itu juga, Nordin et al. (2014) menghubungkan tegahan tersebut merangkumi ketidakpastian serta perkara yang melibatkan spekulasi.

Berpindah kepada *gharar* di dalam akad *ju'alah* pula, ia secara konsepnya memang terbina di atas unsur-unsur *gharar* dan melihat apa yang akan berlaku (al-Juwayni, 2007). Huraian di dalam al-Majmuk menyebut:

Akad *ju'alah* ini harus dilakukan oleh pekerja yang umum dan tanpa ditentukan juga dengan pekerjaan yang tidak diketahui memandangkan ia adalah sesuatu yang diperlukan (Al-Nawawi, t.t.). Seterusnya, pekerja hanya layak untuk mendapat upah setelah kerja dilakukan dengan upah yang telah pun ditentukan oleh mereka yang menawarkan kerja tersebut (al-Nawawi, t.t.).

Akad-akad lain yang boleh berlakunya *gharar* adalah akad salam sekiranya ia tidak memaklumkan tempoh bilakan barang tersebut akan disiapkan kerana barang yang dibeli tersebut¹ berkemungkinan dapat diserahkan atau tidak sekiranya ia tidak menyebut akan waktu atau tempoh (al-'Umrani, 2000). Selain itu, sekiranya bentuk akad tersebut sememangnya bermatlamat sesuatu yang *gharar*² atau tidak diketahui seperti akad *mudarabah* dan *musyarakah*, ia tidak boleh dilaksanakan seperti akad jual beli yang jelas di mana keuntungannya dibahagikan secara tetap pasti (al-'Umrani, 2000).

¹ Al-Muslam fih.

² *Gharar* di sini ialah ketidakpastian hasil yang akan diperolehi dari akad *mudarabah* atau *musyarakah* tersebut, untung atau rugi.

Ibnu Rusyd menjelaskan penegahan *gharar* di dalam *bai'tain fi bai'ah* kerana *jahalah* pada harga yang perlu ditentukan terlebih dahulu. Kemudian Imam Malik pula mengolah '*illah* pengharaman tersebut supaya ia tidak jatuh kepada *riba nasi'ah* dengan andaian sekiranya pembeli itu memilih harga tunai yang lebih rendah kemudian menukar kembali kepada harga tangguh yang lebih mahal ia akan mengakibatkan pertukaran harga murah dan mahal serta renggangan masa yang membawa maksud *riba nasiah* dan juga *tafadhul*.

Imam Al-Syafi'e (1995) pula menafsirkan *bai'atan fi bai'ah* dengan bentuk jualan yang disyaratkan dengan jualan seperti: aku menjual kepada kamu rumahku dengan syarat kamu menjual kepadaku akan gandummu. '*Ilah* yang diujahkan oleh al-Syafie ekoran tegahan *bai'atan fi bai'ah* ialah kerana *jahalah* yang berlaku di dalam harga tersebut di mana jualan tersebut perlulah berlaku dengan harga yang jelas dan tetap kerana jualan pertama dan kedua tersebut tidak berlaku dengan pertukaran harga yang jelas sebaliknya disyaratkan dengan jual beli yang lain.

Seterusnya, al-Baji melihat akad tersebut telah menggabungkan dua jenis akad yang berbeza dalam satu kontrak iaitu akad tunai dan bertangguh. Menurut Dr. Al-Siddiq al-Dhorir (1990, ms. 103) pula:

“‘Illah pengharaman bai'atan adalah kerana gharar atau ketidaktentuan di mana jualan yang pertama itu belum lagi dapat dipastikan ia berlaku atau berjaya. Hal ini berlaku kerana jual beli yang pertama hanya akan berlaku sekiranya dengan persetujuan pembeli untuk melakukan jual beli yang kedua yang ia boleh pasti lagi berlaku”.

Selain itu, *gharar* yang boleh merosakkan akad ini perlu wujud ketika akad sedang berlaku (al-Bughawi, 1997). Perkara yang akan berlaku atau dijangka berlaku tidak akan mengakibatkan jualan itu menjadi *gharar* seperti menjual sesuatu barangan dengan menepati rukun dan syarat jual beli, sedangkan barang tersebut berkemungkinan akan mengalami kejatuhan harga. Jualan seperti ini tidak dianggap *gharar* kerana *jahalah* itu tidak berlaku ketika akad sedang dijalankan.

4.0 METODOLOGI

Kajian kualitatif ini akan menggunakan kaedah temubual bersama informan yang memiliki kepakaran di dalam bidang kewangan Islam dan muamalat. Dua informan yang berpengalaman lebih lima tahun di dalam bidang kewangan Islam serta bertanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa Syariah di beberapa institusi perbankan Islam di Malaysia telah dipilih dalam kajian ini. Soalan-soalan yang dibina dari tema-tema yang berkaitan dengan *riba* adalah:

- a. Hubungan antara *issuer*, *user* dan *merchant*.
- b. *Qard* yang bersifat *supplementary*.
- c. Dana e-wallet di dalam akaun konvensional.
- d. Kaitan mata ganjaran, ganjaran tunai, diskaun dan perkhidmatan percuma dengan *riba*.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Dapatan kajian

Tema	Informan 1 (Inf. 1)	Informan 2 (Inf. 2)
Hubungan antara <i>issuer</i> , <i>user</i> dan <i>merchant</i> .	a. Issuer ialah wakil kepada user atau merchant yang memberinya hak untuk mengecaj <i>ujrah</i> kepada merchant. b. Berlaku keberangskalian riba sekiranya dana ganjaran tunai diberikan semata-mata selepas berlaku <i>placement</i> dalam e-wallet.	a. Tidak wujud riba di dalam akad <i>wakalah</i> . b. <i>Wakalah</i> hanya langkah pertama di dalam membina hubungan antara <i>user</i> dan <i>merchant</i> . c. Menjadikannya akad <i>wadi'ah</i> lebih baik dan selamat dari riba berbanding <i>qard</i> .
<i>Qard</i> yang bersifat <i>supplementary</i> .	a. Perbezaan antara perkhidmatan e-wallet dan perbankan pada kegunaan deposit. Dalam perbankan deposit itu ialah matlamat yang digunakan oleh pihak bank manakala bagi e-wallet tunai hanyalah dipegang sementara oleh <i>issuer</i> sebelum dibayar kepada <i>merchant</i> . b. Walaupun begitu, kaedah <i>qard jarra naf'an</i> boleh sahaja berlaku walau pada <i>supplementary contract</i> sebagaimana hadis Nabi: كل قرض جر نفعا فهو ربا	a. Sekalipun <i>qard</i> hanya <i>supplementary</i> , ia juga boleh mengakibatkan <i>qard jarra naf'an</i> , sebagaimana BBA di mana hutang adalah <i>supplementary</i> dari akad jual beli tersebut. b. Walaubagaimanapun ia boleh menjadi riba sekiranya hutang tersebut berganda kerana kelewatan. Ia berpotensi menjadi riba <i>qard</i> .
Dana e-wallet di dalam akaun konvensional.	a. Perkara ini boleh menjadikan ia tidak patuh Syariah	a. Perkara ini boleh menjadikan ia tidak patuh Syariah. b. Perbuatan issuer yang meletakkan dana dalam akaun konvensional tidak menjejaskan status harta

		<i>user</i> , tetapi jika diketahui hal tersebut, user digalakkan untuk tidak terlibat. User tidak dikira ' <i>ta'awun 'alal ism wa al-'udwan</i> '.
Kaitan mata ganjaran, ganjaran tunai (cashback), diskaun dan perkhidmatan percuma dengan riba.	a. Sekiranya mata ganjaran tunai tersebut diberikan kerana belian barang dari merchant, ia boleh dianggap hibah dari issuer. b. Sekiranya hanya semata-mata placement melayakkan user untuk mendapat ganjaran tunai yang menjadikannya satu perkara yang eksklusif bagi user, makai a boleh dilihat menyerupai <i>qard jarra naf'an</i>. c. Dana yang sama digunakan bagi <i>qard</i> dan d. pemberian ganjaran tunai tidak menjadikannya riba dengan meraikan uruf pengurusan dana di dalam akaun bank. e. Memandangkan wang ini bersifat '<i>la yata'ayyan bi al-ta'yin</i>' dan hanya membawa nilai, maka tidak salah jika dana <i>qard</i> itu juga digunakan untuk cashback.	a. Ia boleh dilihat seperti hibah yang diberikan kepada user. b. Adakah dana di dalam e-wallet <i>user</i> itu merupakan amaun semata-mata atau sememangnya wang user yang belum digunakan. b. Jika tidak ia boleh membawa kepada <i>double spending</i>.

6.0 PERBINCANGAN

Pertama, hubungan di antara merchant dan issuer (penyedia perkhidmatan e-wallet) adalah *wakalah* atau perwakilan di mana issuer menyediakan perkhidmatan yang digunakan oleh merchant dan membayar upah atau *ujrah* atas khidmat tersebut (Inf. 1 dan Inf. 2). Akad *wakalah* tidak membuka ruang kepada riba, jika ada imbalan kewangan ia adalah *ujrah* yang dibenarkan (Inf. 2).

Walaubagaimanapun, *wakalah* hanyalah pemangkin kepada hubungan antara merchant, issuer dan user (pelanggan) dan keberangskalian berlakunya riba boleh berlaku pada langkah seterusnya (Inf. 2). Riba boleh berlaku sekiranya ganjaran

tunai diberikan setelah berlakunya *placement* di dalam e-wallet *user*. Sekiranya ganjaran diberikan setelah berlakunya pembelian dari merchant, ia tidak melibatkan riba (Inf. 1). Oleh yang demikian, Inf. 2 mencadangkan akad wadi'ah lebih sesuai dijadikan asas dalam hubungan antara *user* dan *issuer* supaya tidak melibatkan riba.

Kedua, secara asasnya, *qard* yang berlaku apabila *user* melakukan *placement* di dalam e-wallet adalah supplementary semata-mata (Inf. 1 dan Inf. 2). Namun begitu, ia juga boleh menjadi riba kerana lafaz hadis yang umum menyebut:

كل قرض جر نفعاً فهو ربا

Maksud: “Setiap pinjaman yang membawa manfaat adalah riba”

Perkataan ‘setiap’ itu tidak hanya khusus pada main atau supplementary sahaja, mungkin juga merangkumi kesemua jenis pinjaman. Inf. 2 juga menyokong hal ini dengan membawa contoh BBA yang pada asalnya adalah jual beli, kemudian berubah menjadi hutang. Hutang itu boleh dianggap supplementary namun harus juga berlaku padanya riba jika wujud manfaat menerusi hutang itu tersebut kepada pemiutang sama ada *riba qard* atau *riba nasiah*.

Ketiga, dana *user* yang dimasukkan ke dalam e-wallet perlu diletak di dalam akaun perbankan islam kerana ia boleh menjadi sebab berlakunya riba jika diletakkan dalam akan tidak patuh Syariah (Inf.1 dan Inf. 2). Walaubagaimanapun, kejadian ketidakpatuhan ini tidak boleh diletakkan kesalahannya ke atas *user* yang tidak boleh mengawal perkara ini, tambahan pula ia berlaku di luar pengetahuan mereka. Kejadian ini juga tidak menjadikannya sebagai dana yang tidak patuh syariah pada perspektif *user* dan merchant (Inf. 2).

Keempat, seperti yang dibincang sebelum ini, jika ganjaran tunai diberikan semata-mata *placement* berlaku, ia boleh membawa kepada riba kerana tunai diberikan kerana wujudnya *placement* seperti tunai dibalas tunai (Inf. 1). Walaubagaimana sekiranya ganjaran tunai itu diberikan oleh merchant ia adalah hibah atau diskaun yang harus (Inf. 1 dan Inf. 2).

Melihat kepada akaun yang menjadi himpunan dana milik *issuer* dan juga *user*, ia tidak dianggap sebagai satu bentuk riba kerana duit bukan satu ‘*ain* yang *yata’ayyan bil al-ta’yin*’ (Inf. 1). Meskipun begitu, *double spending* boleh berlaku sekiranya duit dalam e-wallet pengguna itu telah digunakan oleh *issuer* sedangkan ia masih berada dalam peruntukan e-wallet pengguna (Inf. 2).

7.0 KESIMPULAN

Aplikasi e-wallet secara dalam talian bukanlah menjadi tiket yang membebaskannya dari keberangkalan riba. Selagi mana wujudnya perletakan tunai dan dibalas dengan ganjaran tunai di dalam aplikasi ini, ia sememangnya membuka ruang yang besar untuk berlakunya riba. Kesukaran untuk mengasingkan dana dari pengguna dan *ujrah* perkhidmatan bagi *issuer* adalah perkara yang *masyaqqah* secara urufnya. Kaedah ‘*la yata’ayyan bi al-ta’yin*’ dan ‘*qard jarra naf’an*’ berperanan besar dalam menentukan wujudnya riba di dalam aplikasi moden ini.

Sumbangan Pengarang

Mohd Noh, M. S., adalah pengarang tunggal yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat, B. (2004). The Significance of Prohibition of Gharar Towards The Formulation of Essentials of Contract In Islamic Muamalat: An Analysis From The Quran and Hadith. *Al-Bayan Journal of Al-Qur'an & Al-Hadith*, 2, 171-188.
- Al-'Umrani, Yahya bin Abi al-Khair. (2000). *Al-Bayan fi al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Bughawi, Al-Husain bin Mas'ud. (1997). *Al-Tahzib fi Fiqh al-Imam al-Syafi'e*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Darir, Al-Sodiq Muhammad al-Amin. (1990). *Al-Gharar wa Athuru fi al-'Uqud fi al-Fiqh al-Islamiy Dirasah Muqaranah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Juwayni, Abdullah, A. M. (2007). *Nihayat al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Al-Mawardi, Muhammad, A. (1994). *Al-Hawi al-Kabir Syarh Muktasar al-Muzani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Nawawi, Sharaf, Y. (T.t.) *Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qarafi, Idris, A. (T.t.). *Al-Furuq*. Beirut: 'Alam al-Kitab.
- Al-Syafi'e, Idris, M. (1416 H). *Al-Um*. Madinah: Dar al-Bukhari.
- Al-Syatibi Ibrahim al-Lakhmi. (T.t.). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Al-Zai'ali, Ali, U. (1999). *Tabyin al-Haqoiq Syarh Kanz al-Daqoiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, "Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah", Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4. Bank Negara Malaysia, Malaysia's Payment System, https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en, diakses pada 24 Ogos 2020.